

09 JUN 1999
MAHATHIR-SOSIAL
KEADILAN SOSIAL MELALUI DEB DAN PNB

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan alat terpentingnya Permodalan Nasional Bhd (PNB) adalah cara Malaysia mengadakan keadilan sosial dan juga jaringan keselamatan sosial untuk negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berucap di majlis pelancaran Minggu Pelaburan Bersama PNB di sini hari ini, beliau berkata PNB adalah ciptaan Malaysia yang unik yang tidak ada di mana-mana negara dan ianya adalah lebih baik daripada pendekatan ideologi-ideologi yang biasa dicipta untuk membentuk masyarakat yang adil dan saksama.

Katanya, PNB yang telah berjaya mengembleng lebih daripada RM48 bilion daripada tujuh juta pelabur, sama ada diketahui atau tidak, adalah merupakan amanah saham yang terbesar di dunia.

"Sekarang ramai orang asing yang bercakap mengenai "social safetynet." Bagi mereka social safetynet bermakna memberi elaun atau dole (manfaat untuk penganggur) kepada sesiapa yang tidak bekerja. Mereka juga mahu kita bayar gaji yang sama tinggi dengan mereka dan lain-lain lagi," Dr Mahathir berkata.

Tetapi katanya cara mereka sebenarnya akan merosakkan ekonomi kerana apabila orang yang tidak bekerja dibayar elaun maka ramai yang pilih untuk tidak bekerja.

Perdana Menteri berkata Malaysia percaya akan social safetynet atau jaringan keselamatan sosial tetapi bukan dalam bentuk "employment benefits". Katanya rakyat perlu bekerja dan social safetynet itu adalah dengan mengadakan lebih banyak pekerjaan.

Katanya di United Kingdom sekarang ini mereka yang mendapat "dole" juga disuruh bekerja oleh kerajaan sementara idea mendapat duit percuma daripada kerajaan semakin kurang diminati mahupun dari pihak sosialis.

Tambahnya, dole memerlukan banyak peruntukan wang dan ini dibuat dengan menaikkan cukai ke atas orang yang sanggup bekerja.

Dengan kenaikan sara hidup, dole juga perlu dinaikkan dan cukai perlu naik lagi dan seterusnya kenaikan kos pengeluaran barangan akan mengurangkan daya saing negara dalam pasaran dunia.

"Kita mungkin fikir bahawa walaupun pendekatan mereka tidak begitu baik, namun mereka masih juga maju. Tetapi kemajuan mereka datang daripada kepintaran mereka menurunkan harga bahan mentah yang mereka beli dari negara membangun dan menjual barangan buatan mereka dengan harga yang naik sepanjang masa," tambahnya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata penawaran produk baru Amanah Saham Nasional Kedua oleh PNB adalah tepat pada waktunya ketika ekonomi sedang mula pulih.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa 20 April pada setiap tahun akan dikenali sebagai Minggu Saham Amanah Malaysia bertepatan dengan tarikh pelancaran Skim Amanah Saham Pertama pada 20 April 1981.

Katanya minggu pelaburan sedemikian adalah penting untuk membantu pelabur kecil untuk melabur dan seterusnya semua rakyat akan berpeluang memiliki saham di Malaysia.

-- BERNAMA
SHO MA